


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 30 RABU 29 JULAI 1970 1390 رابو 25 جمادى الاول PERCHUMA



Gambar di-atas menunjokkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang membalas tabek sementara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 serta pegawai2 kanan kerajaan berdiri tegak apabila lagu Kebangsaan Negeri Brunei dimainkan oleh pasukan pancharagam Pulis Di-Raja Brunei, dalam upacara perbarisan kehormatan bagi menyambut hari keputeraan baginda di-Daerah Tutong.

Upacara perbarisan yang di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada hari Sabtu lepas itu ia-lah kemunchak achara perayaan Daerah Tutong bagi meraikan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-24 tahun.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei juga telah berangkat berchemarduli ka-Daerah Temburong pada 21 Julai untuk menghadiri upacara yang sama di-Pekan Bangar.

AWASI BAHANA 12

BAHANA bil: 12 terbitan DBP—mengandungi aneka renchana2 yang menarik. Yang ingin mengetahui lebih lengkap tentang makna "chiri gelaran", dapatkan Bahasa bil: 12.

Daerah2 Temburong dan Tutong masing2 telah mengadakan perayaan bagi meraikan hari keputeraan baginda itu selama lima hari.

Gambar2 di-sekitar sambutan perayaan di-kedua2 daerah itu di-siarkan di-muka tengah.

KOLERA DI-LIMBANG: BRUNEI BUKA LANGKAH BERJAGA2

BANDAR BRUNEI. — Satu kejadian penyakit kolera telah di-sahkan di-Limbang, baha-gian Kelima Sarawak.

Bagi menche-gah penyakit itu merebak ka-negeri ini, Jabatan Kesihatan telah mengambil langkah berjaga2.

Semua penumpang dan anak buah kapal yang tiba di-negeri ini dari Limbang akan di-letakkan dalam kawalan selama lima hari dari tarikh mereka meninggalkan Limbang.

Mereka yang tidak mempunyai siji2 suntikan bagi menche-gah kolera yang sah akan di-suntik di-tempat2 pemereksaan.

Barang2 makanan yang lekas busok yang di-bawa dari Limbang termasuk, sotong, buah2an dan sayur2an tidak di-benarkan di-punggah di-Brunei.

Sementara itu Pegawai Kesihatan menasihatkan orang ra-

mai di-negeri ini supaya melaksanankan langkah kesihatan yang ketat dan berusaha untuk mendapatkan suntikan bagi menche-gah penyakit kolera jika mereka belum mendapat suntikan tersebut dalam tempoh enam bulan.

Beliau berkata, makan hanya makanan yang telah dimasak, jauhkan makanan dari di-hinggapi lalat2, ayer hendaklah di-masak sa-belum di-minum, basoh tangan sa-belum makan dan semua sampah sarap hendaklah di-bakar atau di-tanam.

Beliau juga mengingatkan orang ramai supaya jangan pergi ka-Limbang jika tidak mustahak hingga kawasan itu bebas dari wabak penyakit itu.

Orang ramai juga di-nasihatkan supaya melaporkan sabarang kejadian muntah2 dan berak2 ka-rumah sakit atau kelinik2 yang berhampiran.

PERLAKSANAAN UGAMA RASMI TIDAK SEMATA2 DI-PIKUL OLEH J.H.E.U. — S.U.K.

BANDAR BRUNEI. — Pelaksanaan Ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negara tidak-lah semata2 di-pikul tanggung-jawabnya oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama sahaja, bahkan ada-lah meliputi kapada tiap2 jabatan kerajaan, raayat dan badan2 yang di-kendalikan oleh raayat.

Inj telah di-nyatakan oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam sabda-nya sejurus sa-belum merasmikan pembukaan per-aduan membacha Al-Quran dan sharahan antara sekolah2 ugama sa-negeri Brunei kali yang ke-7 di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam hari Khamis lepas.

Walau macham-mana pun, chontoh tauladan terutama sekali pada perbuatan ada-lah berat kapada Jabatan Hal-Ehwal Ugama melalui projek2-nya dan tingkah laku serta

"kaulahan" seluroh kakitangan-nya sama ada di-dalam mahupun di-luar negeri.

"Kerana pandangan kasar dengan keadaan masharakat kita sekarang ini ada-lah dengan sendiri-nya tertumpu kapada jabatan itu dan dari pandangan kasar ini-lah kerap kali bermula anggapan2 terhadap sesuatu", tegas beliau.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara perchaya bahawa kerasmian ugama Islam di-negeri ini hanya akan terlaksana dengan sempurna-nya dan membawakan nikmat2 yang baik, jika tiap2 persaorangan, badan2 dan kumpulan2 raayat memahami maksud suci itu di-samping menunaikan tanggung-jawab2 masing2 dengan kerana Allah.

Ini, jelas beliau, ada-lah amat sechuchok dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang menekankan bahawa **untuk menjamin pelaksanaan yang berjaya perlu-lah di-sediakan dan di-chari sebab2 untuk menchapai kejayaan itu pada mengembangkan Ugama Islam.**

Mengenai dengan projek Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara menisfatkan projek2 itu sa-bagai satu2-nya usaha yang di-harap akan dapat menghampirkan lagi masharakat kita kapada matalamat yang di-tuju itu.

Menyentuh tentang per-aduan sa-umpama itu, beliau berharap mudah2an akan membawa lagi chahaya2 pengajaran dan panduan untuk terus menerus di-amalkan semata2 kerana Allah.

(Lihat Muka 8)

SAPERTI yang di-nyatakan lebeh awal dulu, pengaruh luar dari alam di-sekeliling, sejarah perubahan dan keturunan sa-saorang, banyak menerbitkan kemungkinan bertambahnya berlaku kemalangan dalam waktu tersebut.

Penglaksanaan pendidekan keselamatan jalan raya mesti-lah dalam satu chara supaya tidak begitu lama hingga membosankan dan mesti-lah terang dengan bergambar dan lukisan serta mengambil bahagian sendiri untuk menitek beratkan tentang peraturan2 asas menjaga keselamatan diri kepada mereka yang mengambil bahagian dalam rancangan pendidekan.

Guru sekolah dalam perkara ini ada-lah sangat penting kerana mereka boleh menjadi ganti ibu dan bapa kepada murid2 dari segi saikoloji semasa di-sekolah. Maka dengan sebab itu dasar pendidekan mesti-lah mengandongi beberapa perkara dalam perengkat awal pendidekan dalam bentuk Latihan Menyeberangi Jalan Raya, permainan2 lalu lintas di-waktu rehat, dll.

Dari segi penglaksanaan pulis, pengawasan semasa menyeberangi jalan masuk ka-sekolah oleh anggota pulis yang beruniform, dan lawatan2 ka-sekolah2 untuk memberikan sharahan atau nasihat ketika di-adakan permainan sukan lalu lintas mungkin merupakan keperluan maximum dari segi penglaksanaan oleh pulis di-perengkat sekarang di-Brunei.

MENGIKUT PERASAAN

Pergerakan sebelum kemalangan.

Kanak2 yang kurang kematangan dan pelajaran dari orang2 dewasa ada-lah lebeh chenderong membuat pergerakan mengikut perasaan. Apabila di-temani oleh sa-orang dewasa, kemungkinan bagi mereka terlindung dari pandangan sa-orang pengguna jalan raya oleh kereta2 yang sedang berhenti atau oleh sa-orang yang berjalan kaki, ada-lah bergantung kepada keperluan di-adakan sentiasa latihan2 menyeberangi jalan raya dan penggunaan jalan raya oleh pihak yang berkuasa pendidekan dengan pihak pulis sentiasa melaksanakan ajaran2 ini.

Satu pengkajian telah dibuat ka-atas kanak2 yang telah menjadi mangsa kemalangan bagi orang2 berjalan kaki di-Belfast. Mangsa2 ini telah dibandingkan dengan sa-kumpulan kanak2 yang di-kawal serta bebas menjadi mangsa. Hasil dari pengkajian ini telah di-dapati bahawa dalam kumpulan kanak2 yang menjadi mangsa kemalangan, faktor2 luar yang berikut ini ada-lah berhubung dengan kemungkinan kanak2 dalam kumpulan yang menjadi mangsa itu men-

KESELAMATAN JALAN RAYA

(SIRI

KE-EMPAT)

jadi mangsa semasa berjalan kaki:—

- penyakit yang di-hidapi oleh keluarga;
- kesibukan ibu dengan anak2 lain dalam keluarga;
- kedua ibu bapa sedang bekerja semasa waktu berlaku kemalangan;
- ibu sedang mengandong;
- kemiskinan, di-mana terdapat ramai tanggungan daripada orang yang bekerja mencari sara hidup dalam keluarga;
- kekurangan kawasan yang selamat untuk bermain di-dekat kawasan rumah.

Hasil-nya akan di-dapati bersesuaian dengan keadaan sosial yang berhubung dengan kemalangan2 orang berjalan kaki di-negeri ini. Sungguh pun kemalangan yang melibatkan kanak2 tidak begitu banyak seperti di-Dublin, jumlah penduduk yang lebeh ramai dan kenderaan yang lebeh banyak di - bandar raya itu telah memberikan alasan tentang jumlah kemalangan dan sebab2-nva. Jumlah penduduk dan kenderaan di-negeri ini chenderong menunjukkan bahawa sa-banding dengan jumlah penduduk dan kenderaan2, maka sebab2 kemalangan dan keadaan ada-lah sa-lari.

KAKI LIMA

Orang2 dewasa berjalan kaki (kelakuan jalan raya).

Apakah faktor2 yang menentukan pemilihan sa-saorang dewasa berjalan kaki sebelum ia choba menyeberangi jalan raya ketika ia menunggu di-kaki lima.

Sungguh baik jika orang berjalan kaki dapat menunggu hingga jalan raya tiada kenderaan sebelum mulai menyeberang. Tetapi dengan bertambahnya kenderaan2 lalu dan masa yang terlibat, maka ada-lah di-duga bahawa orang yang berjalan kaki akan menghadapi masalah ini dengan kesimpulan yang mudah ia-itu:—

- menghampiri luang terbuka yang selamat dalam barisan kenderaan;
- memandang kepada laju kenderaan yang di-pilih untuk menyeberang di-hadapan-nya;
- kecepatan diri sendiri dalam menyeberangi dan akhir sa-kali;

(d) bahaya yang terlibat dalam-nya.

Semasa kenderaan2 yang dalam trafik bertambah lajunya. Tetapi apa yang tidak di-pertimbangkan sa-lepas itu ia-lah bertambah kurangnya jarak lubang keselamatan dan bertambahnya risiko bahaya. Kedua2 faktor ini menunjukkan peluang2 belanggar atau sebab2 pelanggaran dan perkara2 yang berkenaan di-bawah ini boleh di-berikan perhatian.

- Pemilihan orang berjalan kaki semasa menyeberangi jalan raya ada-lah berdasarkan kepada taksiran peluang pelanggaran. Semasa kelajuan kenderaan bertambah, kesilapan taksiran bahaya semakin bertambah.
- Ada-lah tidak di-ingini untuk mengadakan tempat2 menyeberangi bagi orang2 berjalan kaki yang mana tidak di-kawal dalam kawasan2 yang tidak teraklok kepada sekatan2 had laju atau pengawasan bagi penglaksanaan-nya.
- Alat2 perlindungan di-jalan2 raya dan tempat2 menyeberangi yang sempurna di-tanda bagi orang2 berjalan kaki akan membantu mereka membuat keputusan yang tidak mengandongi bahaya, dengan sentiasa mempertimbangkan dan memberikan perhatian kepada kelemahan orang2 berjalan kaki untuk mempertimbangkan dengan tepat kelajuan kenderaan2 yang berjalan dalam lebeh dari satu lorong.
- Kepantasan hanya akan memberikan peluang untuk menyeberangi chepat dalam keadaan2 yang baik.
- Pengasingan lengkap di-antara orang2 berjalan kaki dengan kenderaan2 ada-lah satu perkara baik yang tidak mungkin tercapai dalam sistem jalan raya yang ada sekarang ini maka penggunaan jambatan jalan kaki atau lorong menyeberang di-bawah tanah ada-lah satu penyelesaian yang ekonomi dan lengkap.

KECHEKAPAN

Pemandu (kelakuan jalan raya).

Sebelum membincangkan kelakuan di-jalan raya bagi sa-orang pemandu, ada-lah berguna untuk membahagikan jenis2 pemandu yang menggunakan jalan2 raya. Ada-lah tidak perlu untuk mengetahuinya menerusi kelas lesen2 pemandu kerana kecekapan memang ternyata atau pun kekurangan memang ada pada semua pemandu.

Ada tiga bahagian besar dalam jenis ini yang boleh di-pertentukan seperti berikut:

- Pemandu2 chekap ia-itu pemandu2 profesional yang menchari sara hidup dengan chara memandu semata2.
- Pemandu separoh chekap ia-itu sa-saorang yang memandu berhubung dengan pekerjaan-nya dan mungkin memandu lebeh dari 500 batu sa-minggu.
- Pemandu tidak chekap ia-itu sa-saorang yang memandu di-hujung minggu sahaja atau pada waktu2 yang jarang dan ketika lalu lintas tidak banyak.

PROPAGANDA

Mereka yang termasuk kadalam yang pertama mungkin di-beri akuan tentang kebolehnya. Dalam sa-tengah perkara, sistem memberikan hadiah bonos kepada pemandu2 jenis ini ada di-buat supaya dapat mengekalkan darjah yang tinggi dalam kerja memandu. Sebagai akibat-nya, penglaksanaan undang2 terhadap pemandu2 jenis ini selalu-nya keras.

Mereka yang termasuk lain2 jenis tidak boleh di-berikan hukuman yang sama kerasnya kechuali yang berterangan tidak mengendahkan undang2 telah di-buktikan. Maka ada-lah lebeh tepat untuk melaksanakan peraturan keselamatan jalan raya menerusi propaganda2 yang berkesan, peraturan2 dan kawalan.

Supaya dapat melaksanakan dengan berkesan sebarang peraturan keselamatan jalan raya, satu sikap terhadap sifat2 pemanduan umum bagi pemandu2 kereta mesti-lah berdasarkan kepada:—

- kecekapan memandu;
- sifat2 pemanduan, dan
- pemandu sebagai sa-orang anggota masyarakat.

Bagi menilai faktor2 ini, ada-lah baik untuk mengingat perkara2 yang perlu ada bersama, semasa menghadapi satu2 tugas memandu kereta. Perkara2 yang perlu itu di-bahagikan ka-dalam tiga bahagian:—

- penerimaan malumat,
- membuat keputusan, dan
- mengawal kenderaan.

(a) Penerimaan malumat: Kesedaran yang sentiasa ada terhadap apa yang akan berlaku di-hadapan jalan, termasuk faktor2 seperti orang2 berjalan kaki yang mulai choba menyeberangi jalan, sistem kawalan lalu lintas di-hadapan, lain2 kenderaan2 berjalan kararahan yang sama atau bertenangan, simpang2 masuk atau keluar sa-belah hadapan dari jalan yang sedang di-gunakan. Ini selalu di-sebut sebagai jurang yang selalu ternanga.

(bersambung)

KHUTBAH JUMA'AT

MENURUT maksud sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada sahabat Abi Hurairah Radhiallah-hu-an — bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"Barang siapa yang menyeru dan mengajak orang kepada perkara2 pertunjak Allah (hidayah) ada-lah bagi-nya pahala sa-banyak pahala orang yang mengikut seruan-nya itu dengan tidak mengurangkan sa-suatu pahala daripada pahala2 orang yang mengikut-nya dan barang siap menyeru atau mengajak orang kepada perkara yang sesat, ada-lah dia akan mendapat dosa sa-banyak dosa2 orang yang mengikut akan seruan-nya itu dengan tidak mengurangkan dosa2 orang yang mengikut itu sedikit jua pun".

Hadith ini telah memberi perangsang kepada orang2 Islam untuk bekerja dan berusaha pada menunukkan dan mengajar tiap2 orang2 Islam serta mengajak mereka berbuat kepada perkara2 yang di-redhai oleh Allah dan juga memberi amaran supaya jangan berbuat maksiat, apabila mengajak atau memberi jalan

Pengertian orang2 yang "muflis"

supaya orang lain berbuat maksiat kerana dia akan disifatkan sa-bagai orang yang berbuat maksiat itu sendiri.

Perkara2 yang di-katakan membawa kepada pertunjak Allah, ada-lah nyata dan terang serta di-maklumi oleh

Di-dalam hadith yang lain pula, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Ada-kah kamu ketahui, si-apakah orang yang muflis itu? Sahut para sahabat, "Orang yang muflis pada kami ia-lah orang yang tiada wang dan

Dari hadith2 yang tersebut di-atas tadi maka sudah sa-patut-nya-lah umat Islam mengambil perhatian yang berat dan berusaha pada mem-bawa dan mengajak umat Islam ka-jalan Allah, lebeh2 lagi kaum kerabat sendiri, kawan2,

Orang2 yang datang pada hari kiamat dengan pahala2 sembahyang, puasa, zakat dan lain2 dan juga menanggung dosa2 kerana kedzaliman-nya terhadap orang lain. Dosa2 orang2 yang di-dzalimkan-nya itu di-letakkan di-atas tengkok-nya kemudian di-champakan orang muflis itu ka-dalam neraka.

orang Islam sekalian. Di-antara-nya ia-lah mengajar atau belajar Al-Quran, ilmu tauhid, pelajaran agama, sa-terus-nya mengajarkan segala yang di-wajibkan dan meninggalkan segala apa jua yang di-tegah dan begitu juga-lah perkara2 maksiat dan mensherekan Allah, ia-itu seperti berjudi, minum arak, membunuh, berzinah dan lain2 lagi.

tiada harta".

Rassulullah bersabda: "Bahawa orang yang muflis daripada umatku ia-lah orang yang datang hari kiamat kelak dengan pahala2 sembahyang, puasa, zakat dan lain2 dan ia juga dengan keadaan menanggung dosa kerana memaki orang dan menuduh orang berbuat zinah dan ia telah memakan harta orang dengan dzalim dan ia telah menumpahkan darah (membunuh) dan telah memukul orang maka di-beri orang ini (orang yang di-dzalimkan-nya itu) dari pahala orang yang muflis itu (sa-telah di-bicarakan di-hadapan Allah) dan di-beri orang itu dari kebajikan-nya satu demi satu, kira-nya telah habis kebajikan orang muflis itu dan sa-belum selesai membayar kepada orang yang di-zalimkan-nya itu maka di-ambil dosa2 orang yang di-zalimkan-nya itu lalu terus di-letakkan di-atas tengkok-nya, kemudian di-champakan orang muflis itu ka-dalam neraka.

sahabat handai. Mudahan2 umat Islam akan kuat iman dan semangat-nya pada menjalankan tugas sa-hari2 di-dalam masyarakat Islam.

Hadith2 tadi juga telah memberi amaran yang menakutkan supaya jangan orang Islam itu tersesat atau disesatkan oleh orang lain, menurut runtunan hawa nafsu dan fikiran sendiri yang keluar dari ajaran Allah dan Rasulullah apatah lagi membuat di-ayah2 dan propaganda jahat, kerana akibat yang burok dan kerugian yang maha besar akan di-hadapi oleh orang2 itu sendiri di-akhirat kelak.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kepada seluroh kaum muslimin hendak-nya-lah mengerjakan segala yang di-suruh oleh Allah dan meninggalkan segala apa jua yang di-larang-Nya. Moga2 kita di-ampuni oleh Allah dan di-masokkan ka-dalam gulongan orang2 yang salih. Amin ya rabbul alamin.

Keputusan peraduan membaca Quran dan sharahan Uqama

BANDAR BRUNEI. — Awang Mohamed bin Su dari Daerah Belait telah menjadi johan dalam pertandingan Quran perengkat seluroh negeri bagi sekolah2 agama bahagian lelaki, yang berlangsung di-Langoon Masjir Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei malam Sabtu lalu.

Bahagian perempuan di-menangi oleh Dayang Faridah binte Abu Hanifah dari Daerah Tutong.

Dalam bahagian sharahan agama, bahagian lelaki di-menangi oleh Awang Mohamed bin Ahad dari Daerah

Tutong, dan bahagian perempuan di-menangi oleh Malai Noridah binte Sheikh Mohamed dari Daerah Brunei-Muara.

Sa-ramaj 24 orang murid lelaki dan perempuan yang mewakili sekolah2 agama dari ke-empat2 buah daerah, telah mengambil bahagian dalam peraduan selama dua malam, anjoran Jabatan Hal Ehwal Agama, yang di-adakan bersempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

"Bintang Keputeraan"

BANDAR BRUNEI. — Tarikh penutup bagi memasoki peraduan nyanyian kerana merebut gelaran 'Bintang Keputeraan 70' yang di-anjorkan oleh Persatuan PERWIRA yang akan di-adakan pada 1hb. Ogos, 1970 bertempat di-Pusat Belia ada-lah di-lanjutkan hingga 31hb. Julai, 1970.

Sa-orang juruchakap Persatuan itu berkata bahawa johan bahagian lelaki 'Bintang Keputeraan 70' itu akan menerima sa-biji piala hadiah dari-

pada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain manakala johan bahagian perempuan akan menerima sa-biji perisai hadiah daripada Awang Md. Yassin bin Md. Said.

Orang Ramai ada-lah di-perisakan menyaksikan persembahan itu.

Tiket2 berharga \$1.50, \$1.00 dan 50 sen akan mulai di-jual pada 30hb. Julai, 1970 di-Pusat Belia Brunei dan juga di-pintu masok pada malam itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 Julai 1970 hingga ka-hari Selasa 4 Ogos 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
29 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	5-43	4-58	6-16
30 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
31 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
1 Ogos		12-3	3-48	6-4	7-51	4-43	4-58	6-16
2 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
3 Ogos		12-30	3-8	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
4 Ogos		12-3	03-48	6-39	7-5	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



29hb. Julai, 1970.

UGAMA RASMI

ADA-LAH suatu yang sudah pasti bahawa Islam telah di-jadikan agama rasmi di-negeri ini dan telah pun di-kanun-kan dalam perlembagaan 1959. Berikutan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan usaha2 yang lebeli ekektip dengan membesarkan dan mengesokkan pentadbiran Jabatan Hal-Ehwal Agama bukan hanya di-segi bangunan-nya saja, bahkan meliputi kepada pertambahan tenaga2 yang lebeli aktif di-dalam-nya. Bagitu juga dengan projek2 mengembang dan menyebarkan agama Islam telah di-perkenan untuk di-laksanakan dengan se-baik2-nya yang sudah barang tentu pula telah melibatkan per-untukan yang tidak sedikit jum-lah-nya.

Kejayaan2 yang di-chapai dari usaha mengembang dan menyebarkan shi'ar Islam di-negeri ini ada-lah tidak dapat di-nafikkan dan ia-nya merupakan satu usaha yang amat berkesan dan bagitu di-hargai oleh Ke-rajaan Duli Yang Maha Mulia di-samping mulia di-sisi Tohan yang maha esa.

Perasmian agama Islam dan kedudukan-nya yang bagitu te-goh di-negeri ini telah di-sam-but oleh seluruh rakyat Islam dengan perasaan yang amat bersukor atas keuntong me-reka dari simbah chahaya Is-lam yang benar2 menjwai ne-geri ini. Dan, lebeli2 lagi bila-mana Duli Yang Maha Mulia telah berhasrat untuk menjadi-kan Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap dan sem-purna.

Hasrat Baginda yang mulia ini harus di-terima sa-bagai satu chabaran di-kalangan manusia2 yang berbilang di-negeri ini, khas-nya yang beragama Islam yang dengan sendiri-nya sama2 bertanggung jawab untuk mengukuhkan tun-tutan2 Islam yang sabenar-nya.

Sapertimana yang di-sabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengi-ran Dipa Negara, Pengiran Mo-min bin Pengiran Haji Ismail baru2 ini bahawa pelaksanaan U-gama Islam itu tidak-lah se-mata2 di-pikulkan kepada Ja-batan Hal-Ehwal Agama sa-haja, bahkan ada-lah meliputi ka-pada jabatan2 kerajaan, rakyat dan badan2 yang di-kendalikan oleh rakyat.

Namun demikian, menurut beliau, bahawa chuntah tau-ladan terutama sekali kepada perbuatan ada-lah berat kepada jabatan hal-ehwal agama de-ngan melalui projek2-nya dan tingkah laku atau "kaulahan" seluruh kakitangan-nya sama ada di-dalam mahupun di-luar negeri.

Pandangan beliau ini harus di-terima sa-bagai satu pandan-gan yang mempunyai unsur2 ke-jujuran dan keikhlasan untuk sama2 menikmati nilai2 tun-tutan agama Islam yang maha su-chi itu.

Tingkah laku atau kaulahan ada-lah salah satu ciri2 kehi-dupan yang di-jadikan ukuran penting, bahkan di-jadikan gam-baran di-segi pembawaan sa-saorang itu. Hal ini rapat hu-bungan-nya dengan peribadi. Untuk menjadikan diri kita supaya di-chuntahi, maka ha-rus-lah di-fikirkan dengan se-masak2-nya, sama ada persendi-rian atau kumpulan, mengenai satu2 perkara yang hendak di-lakukan.




D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika melafadzkan titah sa-bagai membalas ucapan2 keshukoran dari rakyat dan penduduk2 di-Daerah Tutong. Dudok di-kiri sekali ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Adair dan di-sebelah kanan ia-lah Yang Amat Mulia Cheteria2.



D.Y.M.M. dengan di-iringi oleh Kapitan Hussain bin Haji Sulaiman sedang memeriksa barisan Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam upacara perbarisan kehormatan yang telah di-adakan di-Pekan Bangar pada 21 Julai lepas.



Perlawanan terek tali juga telah di-adakan di-Daerah Tutong sa-bagai meraikan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-24 tahun. Gambar atas menunjukkan perlawanan di-antara pasukan Pejabat Daerah dengan pasukan Penghulu dan Ketua2 Kampong di-daerah itu. Dalam perlawanan itu Pasukan Pejabat Daerah telah berjaya menjadi johan sa-telah mengalahkan pasukan Yang Amat Mulia Cheteria2 dalam pusing terakhir.



TP 30

Gambar2 di-sekitar perayaan2 sambutan hari keputeraan D. Y. M. M. di-Daerah2 Temburong dan Tutong.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat berche-muduli ka-Daerah Tutong pada hari Sabtu 25 Julai untuk memeriksa barisan kehormatan bagi menyambut hari keputeraan Baginda yang ke-24 tahun.

Duli Yang Maha Mulia berangkat di-padang Sekolah Melayu Muda Hasim pada pukul 3.00 petang dan menerima beka kehormatan di-raja dari atas sa-tengah pentas khas yang di-bena untuk upacara barisan kehormatan yang terdiri dari anggota Askar Melayu Di-Raja dan Polis Di-Raja Brunei di-bawah arahan Kapitan Karim Mohammad.

Sa-telah upacara perbarisan itu, Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya berangkat ka-sabua pentas khas untuk menderma sembah keshukoran dari penduduk2 Daerah Tutong yang telah di-sampaikan oleh Penghulu Daerah, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd.

Anak Mohammad Salleh dan sa-terus-nya menyampaikan titah kepada seluruh rakyat dan penduduk2 di-daerah itu.

Sa-baik2 sahaja majlis itu selesai, perla-wanan terek tali pun di-jalakan. Pasukan Pejabat Daerah Tutong telah menjadi Johan.

Pada 21 Julai, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan juga telah berangkat ka-Daerah Temburong untuk menghad-hiri satu upacara yang sama.

Daerah2 Tutong dan Temburong telah merayakan hari keputeraan Baginda selama lima hari.




Ini-lah pasukan Yang Amat Mulia Cheteria2 yang telah mendapat tempat kedua dalam perlawanan terek tali di-Daerah Temburong. Dari kiri ia-lah Pengiran Kerma Indera, Duli Pengiran Perdana Wazir, Menteri Besar, Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Indera Mahkota.


Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh ketika menyampaikan ucapan keshukoran dalam satu upacara yang telah di-adakan di-padang kechil Bukit Bendera Pekan Tutong pada hari Sabtu lepas. Di-sebelah kiri ia-lah Penolong Pegawai Daerah, Awang Sidek bin Yahya dan Awang Ali bin Bakar.

D.Y.M.M. ketika menaiki Land Rover sa-telah selesai upacara perbarisan kehormatan di-Daerah Temburong pada 21 Julai lepas. Sedang naik ka-atas kenderaan itu ia-lah Awang Adair dan di-ikuti oleh Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir.

D.Y.M.M. memberi tabek kehormatan kepada pasukan panji2 Askar Melayu Di-Raja yang turut mengambil bahagian dalam perbarisan hari keputeraan Baginda di-Daerah Tutong pada hari Sabtu 25 Julai yang lalu.



Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair sedang menyampaikan piala ka-pada ketua pasukan Duli Yang Maha Mulia yang telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan terek tali di-Daerah Temburong.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, ketua pasukan Yang Amat Mulia Cheteria2 yang telah mendapat tempat kedua dalam perlawanan terek tali di-Daerah Temburong sedang menerima piala kemenangan mereka dari Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, sambil di-perhatikan oleh Duli Yang Maha Mulia yang dudok di-atas pentas khas bersama2 dengan pembesar2 negara yang turut hadir dalam upacara perbarisan di-daerah itu.


Wakil2 Brunei ka-Jambori Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 20 orang Pemimpin2 Pengakap dan Pengakap2 dari Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Singapura pada petang hari Ahad 26 Julai, 1970 dalam perjalanan mereka ka-Melaka untuk menghadiri Jambori Pengakap Kebangsaan Malaysia.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Pemimpin Pengakap Awang Mohamed Said bin Ismail akan menghadiri jambori tersebut yang akan di-adakan di-Ayer Kroh, Melaka mulai pada 29 Julai hingga 4 Ogos.

Sa-jurus sa-belum berlepas ka-Singapura satu upacara penyampaian Bendera Negeri Brunei telah di-adakan di-Lapangan Terbang Berakas.

Bendera tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj kepada ketua rombongan itu.



Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj, dalam ucapan beliau telah mengucapkan tahniah kepada semua ahli2 rombongan tersebut.

Beliau berkata bahawa penghantaran rombongan sa-umpama itu bukan-lah satu perkara baru, akan tetapi Persatuan Pengakap Negeri Brunei sejak beberapa tahun dulu telah menjayakan usaha2 seperti ini bagi mengharumkan lagi nama baik Negara Brunei Darus Salam.

Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj telah juga mengucapkan kepada rombongan itu selamat bertugas dan berbakti kepada bangsa dan tanah ayer serta mencherminikan Negara Brunei yang di-chintai ini di-saberang laut.

Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada ketua rombongan Awang Mohd. Said bin Ismail sa-jurus sa-belum pengakap2 itu berlepas ka-Singapura.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI... 15



Nama: **Lampung.**

Penerangan: Lampung ia-lah satu alat penerang yang digunakan oleh orang2 Melayu Brunei dan puak2 pendalaman. Ia-nya mengambil tempat penting sa-bagai alat penerang sa-belum ada-nya chiptaan lampu gas dan lampu2 letrik. Ada beberapa jenis lampu yang pernah dan maseh digunakan sa-bagai alat penerang.

- i. Lampung.
- ii. Suloh.
- iii. Lantera.
- iv. Pelita.
- v. Renyah.

Alat2 ini dapat di-bedzakan antara satu dengan lain dari segi sifat dan bentuk benda itu.

Lampung yang tertera di-sini mempunyai tiga chabang anak suloh selain dari suloh besar di-atas. Tiap2 chabang suloh itu berbentuk seperti sa-ekor burung dengan suloh menchachak di-atas paroh-nya. Batang lampung ini boleh dipisahkan dua dengan di-putar. Demikian juga suloh dan chabang-nya dapat di-chabut keluar dan masuk kembali. Dahulu sa-belum memasokan minyak tanah, minyak yang digunakan untuk lampung ini ia-lah minyak kelapa atau minyak makan.

Lampung ini di-beli tahun 1966 di-Daerah Brunei. Sukatan Tinggi 2' 5".

Kaum ibu di-seru supaya memasoki kelas2 urusan rumah tangga

BANDAR BRUNEI. — Pameran Hasil Kerja Tangan Kelas Dewasa Urusan Rumah Tangga bagi seluroh negeri, sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, telah di-adakan pada hari Sabtu lepas di-Sekolah Melayu SMJA Bandar Brunei.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah, isteri

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaludin Al-Haj.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah dalam ucapan-nya telah berkata, sebahagian besar peranan penting kaum wanita tertumpu kepada rumah tangga yang aman bahagia, dan dari-nya akan dapat menchipta satu bangsa yang sehat dan bersemangat kuat, untuk berusaha memajukan negara.

Beliau juga menggesa semua kaum wanita di-negeri ini supaya berusaha lebih rajin lagi, untuk meninggikan mutu kerja2 wanita dan akan banyak lagi kaum ibu memasoki kelas2 urusan rumah tangga.

Pengarah Pelajaran Dato Seri Laila Jasa Malcolm MacInnes yang juga beruchap telah mensifatkan pameran pada tahun ini mendapat sambutan yang lebih meriah, dan tiga kali lebih banyak dari tahun 65.

Pengurus Pameran, Datin Hajjah Salmah, isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan-nya juga mengharap, supaya pameran seperti itu akan bertambah banyak lagi di-tahun2 akan datang.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Puan Adair.

Sa-banyak 228 jenis masakan, anyaman, gubahan2 bunga telah di-pamerkan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada-lah diantara beratus2 orang yang turut menyaksikan pameran itu.



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah ketika beruchap sa-belum merasmikan pameran tersebut. Dudok di-sebelah kiri ia-lah Datin Hajjah Salmah, Pengerusi Pameran dan Datin Masnah bte Haji Mohd. Yusof.

Jalan di-perbaiki

JALAN yang menuju ka-kolam bernang di-Anggerak Desa sedang di-perbesarkan untuk memudahkan lalu lintas ka-kolam itu.

Tetapi oleh sebab jalan itu sempit beberapa bahagian perlu di-tutup semasa kerja memasang **culvert** di-jalankan.

Pengarah Kerja Raja berkata, jalan dari tempat semaian pertanian ka-simpang pertama akan di-tutup sama sekali kepada lalu lintas selama 10 hari dari 27 Julai lepas.

Semua lalu lintas ka-kolam bernang itu dan Kampung Anggerak Desa dalam masa itu hendak-lah menggunakan Jalan Delima Satu dari tempat menjual minyak di-Jalan Berakas.

Peraduan bahath antara sek. rendah dan menengah Melayu

BANDAR BRUNEI. — Peraduan bahath tahunan antara penuntut2 sekolah rendah dan menengah Melayu di-seluruh negeri akan di-adakan dalam bulan Ogos hadapan.

29 buah pasokan ikut bertanding

BANDAR BRUNEI.—Sa-banyak 29 pasokan dari 18 buah persatuan2, sekolah dan maktab2 mengambil bahagian dalam perlakuan Sepak Takraw anjoran Persatuan Guru2 Melayu Brunei, ia-itu sebahagian dari ranchangan bagi menyambut ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Brunei-Muara.

Ia-nya di-bahagikan kepada dua, kumpulan A dan B.

Sa-banyak 11 pasokan akan bertanding dalam kumpulan "A" dan lapan belas dalam kumpulan B.

Pameran urusan rumah tangga

KUALA BELAIT. — Pameran urusan rumah tangga akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada hari Sabtu 1 Ogos.

Pameran itu di-anjorkan sa-bahagian dari ranchangan perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 tahun di-daerah itu.

Ia-nya terbuka kepada kaum2 wanita di-Daerah itu sahaja.

Pameran itu akan di-buka kepada orang ramai mulai pukul 11.00 pagi hingga 4.00 petang.

Di-antara barang2 yang di-pamerkan ia-lah sulaman, gu-bahan bunga dan masakan.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu akan di-adakan pada tarikh2 dan tempat2 yang berasingan mulai 16 Ogos.

Empat buah perisai rebutan akan di-pertandingkan dalam peraduan tersebut.

Pada tahun lalu Sekolah Menengah Melayu SMJA dan Sekolah Menengah Melayu Muhamad Alam, Seria masing2 telah menjadi johan lelaki dan perempuan dalam bahagian sekolah2 menengah.

Sementara S.M. O.K. Setia Bakti, Kilanas dan SMJA Pussar Ulak masing2 menjadi johan lelaki dan perempuan dalam bahagian sekolah2 rendah.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pemereksa Kira2

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pemereksa Kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris dan mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik dalam ilmu hisab. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman atau yang telah mempelajari dalam bidang odit atau jurukira.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$230 x 10 — 270 x 15 — 360/EB/380- x 20 — 420/EB/440 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-han-

tar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantar-kan laporan2 sulit mengenai pemohon2 yang bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Ogos, 1970.

Sa-bagai Guru

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada guru2 terlatih untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Pemohon2 yang terpilih akan di-temuduga di-Singapura, Malaysia atau Brunei dan Pemohon2 yang berjaya di-jangka akan mula berkhidmat dalam bulan Januari, 1971.

Kebanyakan daripada jawatan2 yang kosong ada-lah di-sekolah2 menengah aliran Melayu tetapi ada juga jawatan2 yang kosong di-sekolah2 menengah aliran Inggeris dan di-Maktab Latehan Perguruan.

Pemohon2 yang berjaya akan di-tempatkan dalam salah satu daripada sukatan2 gaji yang berikut menurut kelayakan dan pengalaman:-

a) Guru2 Terlatih tanpa ijazah — \$440 x 20 — 660 x 30 — 840.

b) Guru2 Terlatih Berijazah (Ijazah Lulus) — \$620 x 20 — 660 x 30 — 990.

c) Guru2 Terlatih Berijazah (Ijazah Honours) \$750 x 30 — 1,200.

Tempoh Perkhidmatan:

Satu kontrak selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1hb. Ogos, 1970.



Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menghadihkan dua buah oskar rebutan bagi di-pertandingkan dalam lomba perahu antara sekolah2 bersempena menyambut hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan. Perlumbaan 20 orang bagi penuntut2 lelaki dan 10 orang bagi penuntut perempuan telah di-masokan dalam acara lomba perahu yang telah berlangsung pada hari Ahad lepas.

Gambar atas menunjokkan Setia Usaha PGGMB, Awang Mohd. Noor bin Chuchu sedang menyampaikan oskar tersebut kepada Pengarah Laut, Awang Jack Turner, selaku pengerusi lomba perahu pada tahun ini.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



M. B. MENGHARAPKAN PENUBOHAN 'MAJLIS BADMINTON'

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim mengharap'ar agar tertubuh-nya 'Majlis Badminton' sa-bagai satu usaha bagi menggalakkan pemain2 badminton yang berkelayakan di-negeri ini.

Yang Amat Mulia itu berkata demikian sa-jurus sa-belum pertandingan akhir badminton belia antara Daerah Brunei/Muara dan Temburong yang di-langsungkan di-Dewan Pusat Belia Bandar Brunei malam Ahad lalu.

Beliau juga telah menimbulkan kembali tentang ujud-nya sa-buah badan yang mengelolakan permainan badminton di-negeri ini beberapa tahun yang lalu tetapi dengan tidak ada satu2 sebab mengapa kegiatan2 badan itu tidak dapat di-teruskan dan dengan chara perlahan2 ia-nya mulai lemah langsung tidak dapat bergerak lagi hingga hari ini.

"Tetapi dengan muncul-nya Persatuan 'Kekal' yang menganjorkan permainan badminton itu adalah merupakan satu nafas baru ujud-nya semula permainan itu yang bukan saja di-minati di-Brunei tetapi juga di-seluruh dunia" kata beliau.

Bagaimana pun Menteri Besar itu mengharap-kan supaya perlawanan2 seperti itu terus di-adakan sa-chara berperingkat2 melalui Daerah2 Brunei/Muara, Belait, Tutong dan Temburong untuk memili-ah jagoh2 pemain yang handal untuk di-pertandingan semula ka-peringkat seluruh negeri.

Dengan chara itu kata-nya la-gi kita akan dapat melihat ujud-nya sa-buah badan 'Majlis Badminton Sa-Negeri Brunei' di-mana tenaga dan kebolehan pemain2 badminton akan terpelihara dengan baik.

Menteri Besar itu menjelaskan lagi walaupun di-Brunei pada masa ini belum dapat memberi saingan yang sa-tanding dalam perlawanan badminton antara bangsa tetapi beliau percaya bahawa pemuda2 di-Brunei tidak-lah akan ketinggalan dalam arena permainan itu sekira-nya mereka berazam membuat latihan yang bersungguh2.

Turut memberi ucapan di-majlis itu ia-lah Yang Di-Pertua Persatuan 'Kekal' Awang Zakaria bin Haji Sulaiman.

Dalam perlawanan itu Persatuan Pemuda Pemudi Sultan Lama telah berjaya menjadi Johan sa-telah mengalahkan Persatuan Melayu Temburong dalam lima perlawanan tidak berbalas.

Dengan itu Persatuan Sultan Lama-telah memegang Perisai Pusingan untuk johan yang di-dermakan oleh Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Yusof.

Naib Johan jatuh kepada Persatuan Melayu Temburong bagi memenangi Piala Pusingan yang di-dermakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Penasehat Persatuan 'Kekal'.

Pemenang ketiga jatuh kepada Persatuan Ikatan Belia Berakas sa-buah Piala Pusingan yang di-dermakan oleh Awang Zakaria bin Haji Sulaiman, Yang Di-Pertua Persatuan 'Kekal'.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara.

Pemain2 Sultan Lama terdiri dari Abd. Rahman Razali, Zainal Hussein, Paul Chia, Taib Adis dan Kassim Adis.

Pemain2 Temburong terdiri dari Serudin Tarif, Sha'aban Yahya, Untong Abd. Rahman, Arif Bolhasan dan Suhaili Ibrahim.

Pemain2 Ikatan Belia Berakas terdiri dari Pengiran Metusin Pg. Lampoh, Akip bin Haji Abdullah, Besar Abd. Rahman, Talip Pangis, Ak. Tajudin Pg. Adi, dan Junaidi Salleh.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof sedang menyampaikan perisai rebutan kepada ketua pasukan Persatuan Pemuda Pemudi Sultan Lama, Awang Abdul Rahman bin Razali.

PERLAKSANAAN UGAMA RASMI

(Dari Muka 1)

"Tanpa amalan isi2 dan maksud2 kitab suci Al-Quran itu, peraduan2 seperti ini akan menjadi pergelakan atau "paibunan" di-kalangan masyarakat sahaja", tegas beliau.

Sa-terus-nya beliau mengingatkan bahawa biar-lah di-jadikan asas bahawa apa yang di-amalkan ada-lah lebih penting dan utama daripada apa yang di-perkata dan di-peristiwa-adatkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara selanjut-nya menegaskan bahawa kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah sentiasa mengambil perhatian yang berat bagi mengembang dan menyebarkan Ugama Islam.

Usaha ini, kata beliau, ada-lah meliputi beberapa segi dan jurusan pengajaran sa-bagai satu2 usaha untuk memberi pengertian kepada Ugama Islam sa-bagai ugama rasmi itu, sambil menguatkan lagi keimanan rakyat dan penduduk2 negeri ini.

Menurut beliau bahawa pengajaran Ugama Islam itu bukan-lah di-maksudkan sa-bagai satu lapangan pelajaran untuk faedah2 yang terhad, tetapi ia-nya hendak-lah di-sifatkan sa-bagai satu alat bagi menggelokkan lagi kehidupan kita sa-tiap hari yang sa-im-bang dengan perkembangan2 sains dan teknologi.

Ini juga, tegas beliau, ada-lah sa-chuchok dengan maksud Duli Yang Maha Mulia yang meniatkan supaya Islam itu di-jadikan sa-bagai satu chara hidup yang lengkap.

Dengan sebab ini-lah, menurut beliau, telah di-bentuk satu surohanjaya pelajaran bagi mengkaji dan menyusun semula dasar2 pelajaran yang lebih sesuai dengan zaman.

(Keputusan2 peraduan yang di-langsungkan dua malam berturut2 di-siarkan di-muka 3 dalam keluaran ini).



Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin ketika berucap sa-belum merasmikan peraduan tersebut.

Pelajar2 kelas dewasa berkursus

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai lima orang pelajar kelas dewasa urusan rumah tangga telah bertolak ka-Singapura pada hari Isnin lepas untuk mengikuti kursus urusan rumah tangga selama sa-tahun di-Institute Trengkas Melayu Singapura.

Mereka itu ia-lah Dayang Jarah binte Mohamad dari Sekolah Raja Isteri Fatimah, Dayang Usnah binte Haji Metasim dari Sekolah

Lawatan dua hari Doktor Haiwan PBB

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang doktor haiwan Pertubohan Makanan dan Pertanian Bangsa2 Bersatu bagi Asia dan Timor Jauh telah memuji usaha yang di-jalankan oleh Jabatan Pertanian di-negeri ini dalam melaksanakan penghasilan binatang2 ternakan dalam masa tiga tahun yang lalu.

Dr. P. Pillai juga sangat tertarik hati oleh keadaan kesihatan binatang2 di-ladang ternakan Jerudong.

Ini telah di-nyatakan beliau sa-jurus sa-belum meninggalkan negeri ini pada hari Isnin lepas sa-telah melawat ka-sini selama dua hari.

Semasa berada di-negeri ini, Dr. Pillai telah mengadakan perundingan dengan Pegawai Haiwan, Awang C. V. Subramaniam mengenai kawalan penyakit2 binatang ternakan.

Beliau juga telah melawat ladang ternakan binatang Jerudong dan lain2 ternakan di-negeri ini.

Melayu Dato Gandhi, Dayang Meriam binte Haji Metassan dari Sekolah Melayu Sungai Tilong, Dayang Noralam binte Metamit dari Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong dan Dayang Mahani binte Ya'akub dari Sekolah Melayu Mohamad Alam Setia.

Di-antara kursus yang akan diambil termasuk-lah masakan, anyaman, sulam-menyulam dan chara2 mengajar yang meliputi semua aspek urusan rumah tangga.